

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 68

- (a) Pada 1 Januari 2016, Nirosha telah memulakan perniagaan pakaian Niro dengan menyumbangkan wang tunai RM10,000; Inventori pakaian RM21,400; Van Pengangkutan RM35,500; Inventori alat tulis RM320; dan Perabot RM2,420. Berapakah jumlah modal Perniagaan Niro?
- (b) Sundra sudah berniaga selama tiga tahun. Tetapi, beliau tidak menyimpan sebarang rekod perakaunan. Sundra ingin mengetahui modal perniagaannya pada 1 Januari 2016. Anda telah mengumpulkan maklumat berikut daripada perbualan anda dengan Sundra serta dari dokumen-dokumen Perniagaan Sundra:

Baki pada 1 Januari 2016	RM
Bank overdraf	2,344
Tunai	255
Premis	42,000
Alatan pejabat	3,400
Lengkapan	8,350
Akaun belum terima	2,670
Akaun belum bayar	5,390
Pinjaman bank	20,000
Inventori	8,760
Insurans terdahulu	120
Kadar bayaran terakru	36
Faedah belum bayar	220

Daripada maklumat diberikan, hitungkan modal Perniagaan Sundra pada 1 Januari 2016.

- (c) Maklumat di bawah telah dipetik daripada buku-buku perakaunan Perniagaan Iris. Maklumat mengenai penghutang telah hilang. Hitungkan baki akaun belum terima pada 31 Disember 2015.

Baki pada 31 Disember 2015	RM
Kenderaan	42,800
Perabot	8,400
Tunai	3,450
Overdraf Bank	2,270
Akaun belum terima	?
Stok	18,100
Modal	65,000
Ambilan	3,180
Untung bersih	8,140
Akaun belum bayar	6,320